



Bank Pilihan Anda

KEMPEN BANK RAKYAT CARES PENGELUARAN TUNAI KAD KREDIT-i BANK RAKYAT

TERMA DAN SYARAT

A. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN & MEKANISMA KEMPEN

1. Terbuka kepada pemegang kad utama dan tambahan bagi Kad Kredit-i Bank Rakyat melainkan pemegang Kad Kredit-i Korporat.
2. Terbuka kepada transaksi pengeluaran tunai tempatan dan antarabangsa/luar negara.
3. Kadar keuntungan yang dikenakan untuk transaksi pengeluaran tunai adalah 9% setahun berbanding 18% sebelumnya atau diskaun 50%.
4. Tiada had jumlah minimum pengeluaran untuk layak mendapatkan kadar keuntungan istimewa yang ditawarkan.
5. Jumlah pengeluaran tunai maksimum adalah tertakluk kepada had pengeluaran tunai yang dibenarkan.
6. Bayaran perkhidmatan pengeluaran tunai adalah berdasarkan kepada yuran dan Caj sedia ada bagi Kad Kredit-i Bank Rakyat.
7. Kadar keuntungan yang ditawarkan tertakluk kepada transaksi pengeluaran tunai yang dilakukan **sepanjang tempoh kempen** sahaja.
8. Kelayakan untuk menyertai kempen ini adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Bank Rakyat, Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat serta Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

B. TEMPOH KEMPEN

1. Kempen ini berlangsung bermula 23 Mac 2020 sehingga 30 September 2020.
2. Pihak Bank berhak untuk menukar atau meminda tarikh dan tempoh untuk kempen ini sekiranya perlu.

C. TAWARAN ISTIMEWA

1. Kadar keuntungan istimewa yang ditawarkan untuk kempen ini adalah 9% setahun sepanjang tempoh kempen iaitu pengurangan sebanyak 50%.



Bank Pilihan Anda

D. LAIN-LAIN

1. Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
2. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak dan menyiarkan nama dan gambar pemegang kad untuk tujuan promosi di dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat, atau mana-mana saluran yang ditentukan sesuai oleh Bank Rakyat.
3. Bank Rakyat atau pekerja dan wakilnya (termasuk mana-mana pihak yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk memberi perkhidmatan tertentu berkaitan kempen ini) tidak akan bertanggungjawab, secara langsung atau tidak terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kemungkiran yang dialami oleh pemegang kad, disebabkan oleh penyertaan mereka dalam kempen ini atau daripada sebarang tindakan di pihak Bank Rakyat.
4. Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad bersetuju dan membenarkan Bank Rakyat untuk mendedahkan maklumat pemegang kad kepada mana-mana wakil yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk tujuan Kempen ini.
5. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.
6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau apa-apa situasi di luar kemampuan Bank Rakyat.

PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG KAD UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PEMEGANG KAD TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.

7. Bank Rakyat mempunyai hak dan budi bicara secara mutlak untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini tanpa perlu memberi notis terlebih dahulu melalui mana-mana medium komunikasi dan



Bank Pilihan Anda

apa-apa pindaan, pembatalan atau penambahan akan berkuatkuasa, dibaca dan ditafsirkan seolah-olah telah dimasukkan dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.

8. Terma & Syarat ini terikat dengan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 atau layari laman sesawang Bank www.bankrakyat.com.my